"SISTEM BUKANLAH SESUATU YANG BISA DIHANCURKAN MELALUI **REVOLUSI**

MELAINKAN SUATU KONDISI, SUATU HUBUNGAN TERTENTU DENGAN MANUSIA
SUATU BENTUK PERILAKU MANUSIA:-
KITA MENGHANCURKANNYA DENGAN CARA MEMBENTUK UNIT PERHUBUNGAN BARU
DENGAN CARA BERPRILAKU LAIN"

GUSTAV LANDAUER [1870-1919]



Pencabulan di ruang Penguasa...
dilupakan...
esok akan dilupakan...
langsung dilupakan sahaja...
*tapi **SAYA** indak akan melupakannya!*

---

perbualan rakyat di bawah bayu,
cerpen lawak rakyat,
wendy-o-matic
puisi
illustrasi anak-anak kilat
sebagainya...

BENEFIT RILIS UTK
KASEH KOLEKTIF K.K
&
DISTRO
YG MENGEDARKANNYA!

RM 2
OR TRADE

"Sometimes I felt so sick with the so-called HC/Punk kids that unconciously promo-ting PREJUDICE, RACISM or even supporting unjustice act such as I.S.A! I think they lack of knowledge! So, do read!"

Mohd Jen & Kaseh Kolektif K.Kinabalu mempersembahkan..... !!!

UNEXPECTED FACTS 4



KEGANASAN: Sebahagian mangsa yang terkorb
ri pada kempen pilihan raya di Rawalpindi, sema

KASEH ZINE #2

JANUARI 2008



Artikel mengenai Imperialisma, I.S.A,
Pendayaupayaan Kolektif,
Kisah student Political Science, Kesihatan-USFTA,
personal thoughts, dan macam2 lagi!!!

Interview :
My Precious, Wendy O Matic, Ms Fazlina

Jangan ke Ricecooker Shop CM sebab...!

...Palestin terus ditindas apabila perdamaian tidak jadi kenyataan.

INTRO & CELOTEH!

Assalamualaikum dan salam sejahtera semua! Kembali membaca zine?! Yeargh bagus!!! Mari kita aktifkan semula berkongsi2 maklumat/pendapat, ingat memperingati, dan melakukan perbincangan secara bertamadun didalam gerakan HC/Punk ini! Hmm, secara peribadi aku meletakkan pembacaan zine merupakan aktiviti pertama dlm mengerakkan scene HC/Punk terutama bagi yg baru mengenal gerakan ini. Musik ditempat kedua bagi aku, dengan penghasilan band dan materialnya yang mampu menginspirasikan kita utk terus bergerak aktif dalam acara2 direct action dan tindakbalas persekitaran disamping merupakan salahsatu medium dalam merapatkan solidarity sesama sceneters. Pembikinan zine pula adalah kesinambungan dalam meneruskembangkan perjuangan dalam gerakan DIY ini, agar tidak hanyut bersama musik yg hilang arahtuju dan tujuan sebenar gerakan reisistensi ini.

Terbitkan semula zine anda, sekarang! : Pembikinin zine ini lebih kepada kesinambungan apa yg telah aku dan rakan2 lain lakukan sebelum ini, terutamanya semasa di Sabah dahulu. Usaha untuk menghidupkan semula 'budaya membikin/membaca zine' perlu dilakukan semula. Teknologi computer telah banyak menjatuhkan budaya ini dari terus kukuh bertahan dlm naluri gerakan HC/Punk di Malaysia. Ya, memang diakui usaha sesetengah penulis zine utk menggunakan medium blog, myspace dan sebagainya adalah bagi mengikut arus kemodenan, namun bagi aku (dan mungkin rakan2 lain) wujud kelemahan dan 'kekurangan' disitu! Kami mengimpikan budaya lama ini yg membawa kepada solidarity yg lebih kuat – bertukar2 zine, review2, menghebahkan (expose) kepada rakan bukan sealiran dan sebagainya! Sesuatu yg amat bernilai suatu ketika dahulu. Isu ini juga (membikin zine) bole dikatakan sering diperbincangkan dikalangan penulis2 zine yg semakin slow dan sedar akan hakikat menulis/mambaca zine yg semakin tandus. Konsep print/fotostat, cut & paste dan sebagainya semakin hari semakin dilupakan. Ini tidak harus berlaku! Oh ya, aku sedar bahawa aku bukanlah penulis yg baik, malah lebih kepada isu2 typikal dan boring, namun semua itu boleh dipertingkatkan dengan wujudnya system berlumba2 secara sihat membuat zine dan saling mencuba utk melakukan yg terbaik. Begitu juga bagi penulis baru (macam aku), tidak harus takut dan malu dlm membudayakan semula idea2 didalam gerakan DIY Hardcore Punk ini.

Tunduk hormat (Japan style huh?!) dan terima kasih : aku ucapkan kepada isteri tersayang dan semua yg terlibat dlm zine ini ☺. Dari pihak KASEH KOLEKTIF yg sangat komited dan tidak pernah lemah terutamanya saudara August, kepada rakan2 columnist/yg terlibat (Yuen, Farah, Ichal, Fazlina, Dony, etc), kepada para pengendali distro yg menyebarluaskan zine ini, dan kepada anda yg membaca! Sekali lagi, suka aku berpesan (seperti didalam zine2 sebelum ini) bahawa segala idea/penulisan didalam ini, haruslah dipikir dan dinilai tanpa menerima bulat2 apa yg ditulis. Ini adalah pandangan aku dan rakan2 penulis dimana anda juga mempunyai hak untuk mempertikaikan dan berbincang atas apa sahaja perkara yg dirasakan janggal atau tidak kena didalam zine ini. Awalnya, aku minta maaf banyak2, sebab, aku tak akan layan mereka yg mengkritik aku dan menutup

So guys, how do you feel reading this kind of zine? Ha? Boring? No music stuff? Not informative? Nonsense? Typical? Okk... whatever! Hah, why don't you try make one and send it to me? Or maybe just make and sell! It's fun you know! Believe me!!! :)

Oh 99, back in 1999 when I was first time reading zine, on that time we used to do it in handwriting, typewriter with so-called 'cut and pas attitude (?) it was so fucking PunkRock u know. Then technology take place a lil bit, until nowadays we can find that zine was publish in internet! (publish??) And I think sometimes it make us lazier to read ~ internet cost, time consuming, etc! With printed/photocopy zine, u can repeatedly read, or maybe lend it to your friends to share infos. And you know, its really "adrenaline" to bring it in your classroo or hostel :) Haha!

Err another one thing, please feel free to comment, or critic, or maybe we can do it as discussion on any topic/article u disagree in this **UF split KASEH zine**. I enjoy to do so. Last week I read a HC/Punk kid i/view answer promoting '1.5.a is o.k', oh SHIT This shouldn't be happened guys! We, in D.I.Y Hardcore Punk scene do not support any kind of INJUSTICE, RACISM, FASCISM, UNFAIR, INTOLERANT ACTS !!!. At least this is our stand!!!

KASEH
kasehzine@yahoo.com | www.geocities.com/kaseh_kolektif/kasehzine.htm

Solutions for successful research

The untold story of the hartal

I was so impressed with what Fahmi Reza has done! With his passion, and supports from his friends I think he has changed what previously has been put in my brain about our history. You better watch the documentary on 'Sepuluh Tahun Sebelum Merdeka'!

—MOHD JEN—

***the* : Why did you do the film, Sepuluh Tahun Sebelum Merdeka?**



Fahmi Reza: *The main reason I did this film was because I wanted to narrate the history of the peoples' struggle for independence. After World War II and the Japanese occupation, and before the Emergency in 1948.*

Actually, the story that I tell in my film focuses on a particular chapter in our history that is missing from our history books in school. If you look at our Form 3 text books, there's a chapter called 'From Malayan Union to the Federation of Malaya'. But my story is about the missing chapter 'From The People's Constitution to the Malaya-wide hartal'.

And I also made this film to remember and acknowledge the contributions of the political left in the country's struggle for independence because very little is actually said about the role they played. I also wanted to show that it was the people in the left who started fanning the people's nationalistic spirit for independence until, if you look at it, a democratic movement was born that united the people of all races to oppose the British in both Malaya, and Singapore then.

If you look at our own history books and how they cover the period between 1945 and 1948, we had the Japanese occupation and in 1945, after World War II, the British returned and Malaya was ruled by the British Military Administration. In 1946, there was the Malayan Union scheme and the birth of Umno. After that, in 1948, there was the Federation of Malaya to replace the Malayan Union, and then there was the Emergency.

But 1947 is missing! What happened in 1947? So my story is exactly about what happened in 1947, ten years before Merdeka.

So, in my film, there are two key points, two important historical events that are missing (from our official history) – the People's Constitution and the Malaya-wide hartal of 1947.

telinga untuk mendengar pendapat aku, meskipun pendapat aku tidak semestinya betul. Kerana telah banyak forum2 dan group2 yg membincangkan secara terbuka (terutama didalam internet) sesuatu isu, dipelopori oleh mereka yg 'tutup mindanya', tidak mahu mendengar pendapat org lain, dan bersifat *'hanya aku je yg betul'*! Sory, aku tak layan org yg mcm ni! Tak kira korang tu otai/abg besar dlm scene, atau korang HC/P kental, bagi aku tiada ruang utk aku berkompromi dengan mereka yg sebegitu. Dalam kata mudah, kalo korang rasa nak marah org, jgn terkejut kalo korang dimarah balik! Haha !. :-p

Ada apa dengan UNEXPECTED FACTS split KASEH ZINE : sebuah split zine yg pada mulanya dicadangkan bagi meng'expose'kan lagi scene di Sabah, sebagaimana scene2 di Semenanjung memperluaskan jaringannya ke luar negara bagi menjalin satu jaringan dan usahasama bagi memperkukuhkan lagi scene HC/Punk diseluruh dunia. Namun kesulitan dihadapi, tidak semua krew Kaseh Kolektif dan HC/Punk Sabah bersedia utk memberi komitmen pada issue kali ini. Dan mungkin kami akan membuat satu ugutan kepada mereka utk turut menyumbang dlm Kolektif Zine ini pada isu #3 nanti. Ugutan'? Hahaha siapalah kami utk ugut mereka. Haha. Takpe, mungkin isu kali ini hanya sekadar langkah permulaan terhadap satu 'kemalasan' yg telah lama menghantui kita. Kemalasan utk menggerakkan scene dari sudut info dan bahan bacaan. Ok, setelah hampir siap sesi edit dan penyusunan, aku dapat merumuskan serba sedikit mengenai isu kali ini..yg jelas dan nyata ialah misi kami utk mengexposekan scene sabah belum berjaya 100%. Mungkin baru 25% sahaja! Zine kolektif ini tidak mempunyai banyak info aktiviti disana, tidak banyak band2 dipertonjolkan, tidak banyak review makalah atau bahan music dari Sabah dan masih banyak yg belum dipertontonkan (meskipun hakikatnya terlalu banyak benda yg bakal kami tunjukkan utk semua nanti!). Mmm mungkin kepada pembaca lama, terlalu banyak benda yg bole difeedback kepada aku/kami utk diperbaiki dan kepada pembaca baru, korang juga sangat2 dialu2kan utk memberi komen supaya tergerak minda kita utk sama2 memperhebatkan scene HC/Punk ini. Aku bersedia, utk apa sahaja yg bakal diperbincangkan nanti.

Jadi, apa lagi yg korang harapkan dari zine ini, aku secara jujur hanya 35% berpuas hati dengan isi kandungan split zine ini! Aduuh...kecilnya angka itu ! Oh ya, kami mengjangkakan bulan April 2008 ini akan menyusul isu yg lebih informatif, lebih serius, lebih klakar, lebih human right (huh ?), lebih Hardcore Punk!!! Maka, sama2 la menyumbangkan artikel atau apa jua stuff yg bole dimuatkan nanti ya!

Akhir bicara, jadilah diri kamu yg sebenar, tanpa mengira siapa kamu (tua, muda, baru, lama) didalam scene HC/Punk ini, teruskan menambah ilmu pengetahuan, kurangkan menonton tv tambahkan eksplorasi didunia yg nyata, rasa dan bertindak, serta teruskan solidariti hapuskan diskriminasi !!! Enjoy your reading guys!

Nota ringkas : zine ini tidak terbatas pada gerakan di Sabah sahaja. Jangan salahfaham ya ! ☺

x MOHDJEN x
unexpected facts editor
free_radicalist@yahoo.com

Realiti Kehidupan ; Keseronokan & Keperitan !

Menyayat hati



Kes kematian adik Nurin Jazlin Jazimin benar2 menggemparkan negara baru2 ini.

Keadaannya yang didera secara zalim, tidak boleh diterima akal sama sekali oleh semua lapisan masyarakat – yang pasti, mengecam si pelaku seorang yg mempunyai masalah mental! Salah tidak boleh dituding terus kepada ibubapanya, kerana perkara sebegini memainkan peranan dan tanggungjawab kita bersama - tanggungjawab sosial.

Meskipun dalam kita meratapi kesukaran keluarganya menempuh dugaan seberat ini, perlu bagi diri kita menanam kesedaran dan memperluaskan pengetahuan realiti kehidupan kita ini. Kehidupan yang sangat perit, penuh tekanan, dan sedikit ruang kegembiraan serta peluang keseronokan yang tidak patut kita lepaskan.:-/

Yaa, tidak banyak yang perlu diperjelaskan disini mengenai kes kejam menyayat hati tersebut – sudah pasti masing2 mengutuk, marah, dan sebagainya. Namun sejauh mana kita mengambil iktibar kadang kala boleh dipersoalkan disini. Berani aku perkatakan pendapat itu disini kerana melalui pengalaman peribadi sendiri dapat dilihat sikap (sendiri) dan respon rakan2, masyarakat sekeliling apabila sesuatu isu timbul. Kita lebih mudah menyatakan kesal, dan pelbagai luahan hati namun hakikatnya ia hanya bersifat sementara. Malah, lebih mendukacitakan apabila pihak polis sendiri, yang secara jelas gagal dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab menjaga keamanan negara dan gagal mencari penjenayah tersebut, meletakkan salah pada pihak lain apabila kes gagal diselesaikan. Jika sekadar menyalahkan kualiti rendah CCTV yang dipasang mungkin masih tidak menyakitkan hati kita (yg mengharapkan

"Kami akan mengambil tindakan tegas kepada kedua ibubapa mangsa sekiranya didapati gagal atau cuai dalam menjaga keselamatan mangsa sehinga menyebabkan kematian"

kepada penemuan penjenayah kejam tersebut), tetapi apabila meletakan salah kepada kedua ibubapa tersebut, maka itu sudah melampau!! Patutkah seorang Ketua Polis Negara mengeluarkan kenyataan sebegini dikala pasangan ibubapa mangsa sangat sedih meratapi pemergian anak kesayangan mereka ???... PATUTKAH!!!???? ;

"*Kami akan mengambil tindakan tegas kepada kedua ibubapa mangsa sekiranya didapati gagal atau cuai dalam menjaga keselamatan mangsa sehinga menyebabkan kematian*"

(Cuba mancari salah org lain bagi mengaburi orang awam akan kelemahan sistem penyiasatan pihak polis sendiri! – antara sebab kelemahan system penyiasatan polis adalah kerana terlalu banyak mengikut telunjuk parti kerajaan dalam 'mematikan' pihak pembangkang/NGO dan apa jua perkara politik kerajaan)



Terlalu banyak perkara keji berlaku disekeliling kita namun tindakan balik (feedback) kita tidaklah menampakkan usaha yang komited dan benar2 menampakkan maksud luahan hati kita. Contoh lain yang dapat diberikan disini ialah apabila berlakunya gejala rasuah yang sangat

mereka memaksa diri mereka untuk membeli sesuatu stuff2 walhalnya mereka sendiri tidak tertarik dengan stuff tue...Mungkin kalian/anda juga pernah terfikir untuk mengajukan soalan seperti ini kepada rakan2 DIY hc/punk di tempat kalian cuma tidak berkesempatan mengajukan soalan macam ini mungkin?

Kyn: Masing-masing mempunyai tanggungjawab ke atas kelakuan masing-masing. Saya rasa lebih baik kita cerminkan diri sendiri sebelum hendak mengutuk atau memberi komen terhadap semua dikeliling kami.

12) *Kalian pernah terdengar istilah ini "Straight yang hilang Edge"? Apa maksud disebalik istilah ini? Ada diantara kalian yang memegang prinsip/idea straight edge? Adakah benar Ian Mackaye tue seorang yang straight edge?*

Kyn: Saya tidak pernah minat atau mendalami tentang istilah Straight Edge tetapi mempunyai ramai teman yang pernah/masih giat dalam cara hidup seperti itu. Saya tiada sembarang komen. Saya menghormati pilihan hidup masing-masing.

13) *Mengapa ada sesetengah band old skool,80 Thrash,dan screamo di mana vocalistnya berambut botak? Lebih2 lagi mereka yang memegang konsep straight edge nie?*

Kyn: Manalah saya tahu..... mereka mungkin minat dengan fesyen tersebut ke, ataupun mereka ingin munubuhkan sebuah identiti tersendiri ke..... Saya tidak mahu masuk campur hal orang lain.... Ini hal masing-masing. We are free to make our own choices.

14) *Oklah,rasanya itu sahaja soalan yang mampu saya ajukan kepada kalian/anda dan sebelum saya menamatkan sesi ini mungkin kalian ingin mempromote sesuatu,info,nak bagi no.phone ker,nak cari jodoh ker,nak bagi ucapan buat orang yang tersayang ker,alamat,e-mail,website,and blablabla...Sila lakukannya sekarang selagi masih ada peluang hehehe...*

Kyn: Terima kasih. Harap sila layari lelaman official kami di http://www.myprecious-sg.com, hantarkan soalan atau ucapan ke alamat email kami di myprecious_sg@yahoo.com

Senarai kedudukan rasuah 13 negara Asia mengikut negara paling bersih

1.	Singapura	1.20 (1.30)
2.	Hong Kong	1.87 (3.13)
3.	Jepun	2.10 (3.01)
4.	Macau	5.11 (4.78)
5.	Taiwan	6.23 (7.58)
6.	Malaysia	6.25 (6.13)
7.	China	6.29 (7.58)
8.	Korea Selatan	6.30 (5.44)
9.	India	6.77 (6.76)
10.	Vietnam	7.54 (7.91)
11.	Indonesia	8.03 (8.16)
12.	Thailand	8.03 (7.64)
13.	Filipina	9.40 (7.80)

** Mata dalam kurungan menunjukkan indeks pada tahun lalu. 2006*



THIS IS OLD-SCHOOL HC!

Long awaited CD from one of the active HxC band around. All 24 tracks contains new songs and complete songs from previous release. Energy hc tunes with strong message in every songs. A collective release from some label & distro. Ask for low price wholesale rates from labels below.

Price: RM15.00 / USD10.00 ppd or Fair Trade

and too serious, why not just let loose and just have fun?

6) *Sudah berapa kali kah my precious beraksi/perform di Malaysia? Sambutan crowd DIY hc/punk kat sini terhadap my precious sangat memberangsangkan ker? Saya dengar baru2 ini my precious ada melakukan edisi tour di jepun betul ker? Semasa kalian melakukan tour tersebut,kalian sempat beraksi bersama-sama dengan gauge means nothing? Boleh kalian ceritakan sedikit mengenai edisi tour my precious ke jepun tue?*

Kyn: Kalau tak salah saya, My Precious telah beraksi lebih kurang 8 kali di Malaysia (JB dan KL sahaja). Sambutan crowd di Malaysia amat meberi perangsang kepada kami...sudah tentu! Crowd sentiasa mempunyai semangat yang hebat bila berhadapan dengan persembahan kami. Pada Disember 2004 yang lalu, kami diberi peluang untuk melakukan tour di Jepun bersama band Gauge Means Nothing. Kami berada di Jepun selama 10 hari dan kami beraksi dalam 9 show semasa di sana. Dapatlah kami merasai bagaimana "tour on the road". Kami travel dengan Gauge Means Nothing di dalam sebuah van dan sebuah kereta..dengan 3 orang roadies dan equipment dan merchandise kami masing-masing. Kami beraksi di 9 kota, satu kota berlainan setiap hari - umeshima (tokyo), kobe (hyogo), kitakyushu (fukuoka), okayama, osaka, chiryu (aichi), meguro (tokyo), niigata, nishiogikubo (tokyo). Antara band-band yang kami dapat beraksi bersama adalah 1000 travels of jawaharlal, COHOL, dipleg, postcrown, the black line fever, bright and dark side, nitro mega prayer dan berbagai-bagai lagi. Penat tu, penat jugak lah....tak cukup tidur sentiasa "on the road". Ini adalah satu-satunya pengalaman yang tidak dapat kami lupakan buat selama-lamanya.

7) *Selain daripada bermain muzik,apa lagi yang kalian/anda buat di masa lapang? Kalian/anda semua sudah habis dengan aktiviti pembelajaran kalian? Atau ada diantara kalian sedah punyai pekerjaan?*

Kyn: Ronny suka berbasikal pada masa lapangnya. Rina suka membaca buku. Zool aktif dalam bidang skateboarding. Dyn dan saya (Kyn) giat dalam seni halus, kami minat membuat lukisan dan juga organise gigs/ shows. Ronny dan Rina mempunyai pekerjaan tetap, Zool baru sahaja habis National Service dan sedang mencari pekerjaan, Kyn sedang belajar, mengambil Degree (BA Honours) dalam bidang seni halus dan Dyn pula sedanag mengambil Masters dalam bidang seni halus juga. Kyn dan Dyn jugak menghabiskan masa lapang dengan design dan cetak t-shirt band kami sendiri..

8) *Pernah kalian/anda baca zine2 DIY hc/punk dari Malaysia? Apa pendapat kalian mengenainya? Zine2 Malaysia yang kalian/anda rasa paling best untuk dibaca dan tidak membosankan seperti apa? Boleh kalian/anda listkan disini dan alasan kalian/anda mengapa ia begitu best untuk dibaca...*

Kyn: Pernah. Tapi sudah lama tidak mengikut perkembangan scene zine DIY.

10) *Pandangan dan pendapat kalian/anda mengenai band "UTARID" di mana muzik mereka yang dikatakan hampir serupa dengan my precious? Kalian/anda sudah mendapatkan demo tape utarid yang pertama? Komen anda mengenainya?*

Kyn: UTARID adalah band yang menarik. Saya tidak rasa muzik mereka hampir serupa dengan My Precious kerana mereka mempunyai "sound" mereka tersendiri. Mereka adalah band yang rajin dan succesful!

11) *Apa pendapat kalian/anda mengenai individu yang menipu dirinya sendiri dalam menepukan diri mereka untuk menjadi seorang yang kental di arena DIY hc/punk ini? Misalnya seperti* teruk dikalangan kakitangan kerajaan, polis, hakim, dan malah lebih teruk lagi menteri2 pemimpin negara itu sendiri, namun respon kita hanyalah sekadar meluahkan rasa tanpa menggunakan saluran yg betul utk menentang dan strategi tindakbalas yg berkesan utk memansuhkan gejala tersebut. Pilihanraya mungkin boleh jadi jalan terakhir meskipun masih berat diragui ketelusannya bagi kebanyakan org berfikir. Bagaimanakah kita memberi reaksi balas dan komited kah kita dalam menangani isu2 keji dan menyayat hati???

Pilihanraya, pengundi hantu dan kebebasan SPR.

Berkisar kepada pilihanraya, sehingga artikel ini ditulis, kerajaan masih belum



mengumumkan tarikh pilihanraya. Desas desus semakin 'panas' disana sini. Sikap kerajaan yg suka mengumumkan pilihanraya di saat2 akhir sangatlah mengecewakan kebanyakan pihak yg arif dalam proses pembubaran parlimen dan proses pilihanraya ini. Tuntutan untuk memulihkan system pengendalian pilihanraya itu sendiri agak sukar diterima oleh pihak kerajaan. Mana mungkin kita mempercayai 100% system pilihanraya ini sekiranya proses pengendaliannya sudah 'dikotorkan' oleh pihak kerajaan pemimpin dengan pelbagai gejala rasuah dan berat sebelah seperti system undi pos yg tidak nyata ketelusannya! Baru2 ini gempar (mungkin tidak di media perdana kerajaan) apabila seorang individu yg mengaku mengendalikan undi pos diarah untuk 'mewakili' hampir 500 penjawat awam (kalo tak silap dari kem PGA-pasukan gerak am atau tentera) menanda undi parti kerajaan untuk undi pos tersebut pada pilihanraya lepas! Individu tersebut yg tekad dengan tindakannya kali ini membongkarkan kepincangan system dan bersedia menjadi saksi menyatakan bukti sekiranya dipangil untuk berbuat demikian memberi gambaran mekanisme undi pos sudah tidak relevan di Malaysia ini.

Kes2 pengundi hantu masih belum selesai dan belum diambil inisiatif untuk menghapuskannya oleh kerajaan memandangkan ia sememangnya banyak membantu kepada 'kemenangan kotor' parti kerajaan utk 'mengekalkan' kuasa. Rakyat hanya ditipu dengan agenda pilihanraya telus dan agenda Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang kononnya bebas dari pengaruh eksekutif/kerajaan. Kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nazri Aziz yang mengulas bahawa "mana mungkin SPR itu bebas sepenuhnya kerana masih terikat dengan kerajaan" menunjukkan dengkelnya ilmu dan prinsip ketelusan kerajaan dlm mengharungi pilihanraya. SPR sememangnya mesti bebas daripada pengaruh kerajaan kerana ianya adalah wakil bebas yg diiktiraf dan dipercayai Majlis Raja2 dan rakyat yang HANYA mejalankan bidang tugas berlandaskan peruntukan dan undang2 yg telah sediaada/digariskan oleh Parlimen, bukannya terikat dengan kerajaan! – salahfaham Menteri/kerajaan yg harus diperbetulkan. Dimana pendirian kita dalam hal ini..? Wajar bagi aku untuk kita menyokong tuntutan Gabungan Pilihanraya Bersih & Adil (BERSIH). 4 tuntutan asas yang agak simple namun berat bagi kerajaan untuk memenuhinya! ;

1. Penggunaan dakwat kekal
2. Pembersihan daftar pemilih
3. Pemansuhan undi pos
4. Akses adil kepada media

Sistem Pendidikan, semakin memalukan!



Tidak salah kiranya aku nyatakan disini bahawa masa depan sesebuah negara amat bergantung kepada system pendidikan sekarang. Meskipun aku tidak menyifatkan sepenuhnya bahawa sistem pendidikan merupakan faktor segalanya, tetapi dikisarkan disini bahawa ia turut

Jangan jadi bodoh dan menipu rakyat dalam membandingkan Malaysia dengan negara yg sememangnya bukan setaraf dengan kita, sebagaimana Pihak Kerajaan menipu rakyat/kita apabila membuat perbandingan ekonomi Malaysia ~ iaitu dengan membandingkan dgn negara2 yg sememangnya mundur dan sememangnya tidak setaraf dengan kita!

memainkan peranan utama dalam membentuk sistem pemerintahan, penyumbang kepada keadaan ekonomi dimasa depan, dan pembentukan persekitaran sosial (ketenteraman/ jenayah) masyarakat kita suatu masa nanti (dan semasa).

Sistem Pendidikan adalah alat bagi menjana penggunaan akal fikiran, alat bagi merangsang keupayaan individu/perkumpulan untuk menzahirkan sesuatu ideologi atau fahaman yang secara neutralnya inginkan keamanan, keadilan dan perasaan hak sama rata. Namun disebabkan wujudnya 'halangan' dan 'sifat yg sebaliknya' (contra terhadap neutral kebaikan, keamanan) dalam diri sesetengah individu maka terhasillah satu persekitaran yg menyebabkan wujudnya kes jenayah, penindasan, keuntungan diri sendiri dan sebagainya.

OK melihat kepada system pendidikan tinggi di Negara kita ini, keadaan boleh dikatakan semakin tenat, semakin membimbangkan, malah turut diakui oleh kajiselidik Bank Dunia akan hakikat tersebut. Sistem pendidikan tinggi kita telah jauh merosot dan ketinggalan berbanding negara2 yg setaraf dengan kita. (Jangan jadi bodoh dan menipu rakyat dalam membandingkan Negara dengan negara yg sememangnya bukan setaraf dengan kita, sebagaimana Pihak Kerajaan menipu rakyat/kita apabila membuat perbandingan ekonomi Malaysia ~ iaitu dengan membandingkan dgn negara2 yg sememangnya mundur dan sememangnya tidak setaraf dengan kita!) *** IKLAN. Malah, Menteri Pengajian Tinggi juga turut mengakui akan hal ini setelah diminta mengulas mengenai Laporan Kajiseldik Bank Dunia tersebut, tetapi cuba memesongkan 'kepincangan' dan 'kelemahan' dirinya yg gagal membawa naik, dan memajukan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dengan mengatakan "Kita perlukan transformasi system pendidikan tinggi, pentadbir dah kakitangan institusi2 pengajian tinggi perlu mengubah budaya kerja dengan menggandakan usaha2 dan menerap nilai2 yg sepatutnya kepada pelajar2 dan memperbaiki system pengajaran" ~ satu pemesongan tumpuan yg cuba dialihkan Menteri terhadap fokus masalah yg sedang melanda! (FUCK!) ** IKLAN.

Sekiranya beberapa tahun dulu Universiti Malaya bangga (dan dikecoh2kan seluruh Malaysia) akan kedudukannya yg tersenarai dalam 100 Universiti Terbaik dunia, namun di tahun kemudiannya UM/Kerajaan M'sia senyap! Tidak tertanggung akan malu yg melanda apabila mula tidak tersenarai dalam 100 Terbaik Dunia – hanya mampu bertahan setahun sahaja??? Lebih memalukan apabila tahun berikutnya sekali lagi Universiti Malaya, yg menjadi universiti contoh di Malaysia merosot entah ke kedudukan keberapa! Sangat sangat memalukan...! Apa sudah jadi? Akan lahirkah cendiakawan2 di kalangan masyarakat Malaysia? Mana signifikannya peruntukan geran2 penyelidikan dan belanjawan2 yg kononnya berjuta-juta, berbilion ringgit bagi memantapkan system pendidikan ,kajian2 oleh para penyelidik universiti??? Atau adakah ianya hanya satu pembaziran duit cukai rakyat? Fikirkan! (Maaf, tiada cadangan oleh penulis akan kepincangan yg melanda. Anda beritahu saya!..)



x MOHD JEN x
UNEXPECTED FACTS

*** 1120pm, 17/12/07 dapat panggilan daripada Ma (mak mertua) di Arafah. Seronoknya dapat khabar dari beliau, sempat berbual 2-3 minit sahaja ☺

** Mencari Damai Di Hati – Gingerbread // Layaaannn...

hikmat yang ingin kalian/anda sampaikan kepada para pembaca mungkin?

Kyn: Terima kasih, kami semua baik-baik sahaja. Saya dikenali sebagai Kyn dan saya adalah salah seorang daripada vokalis dalam band My Precious. Salam sejahtera semua, harap kalian semua dalam keadaan sihat dan bahagia disamping orang-orang tersayang.

2) *Boleh kalian/anda ceritakan tentang sejarah penubuhan "MY PRECIOUS" atau dalam erti kata lain biografi band ini? Bila? Dimana? Dan factor/punca yang menyebabkan kalian menubuhkan band ini? Siapakah personality yang bermain untuk my precious pada ketika/saat ini? Ada sebarang perubahan posisi line-up tak?*

Kyn: My Precious ditubuhkan pada penghujung tahun 2001 atau permulaan tahun 2002 di Singapura. Pada masa itu band kami dianggotai oleh Ronny (drums), Dyn (gitar), Dinslife (gitar bass), Kyn dan Rina (vokals). Kami berkumpul dan bercadang untuk bermain lagu-lagu yang berentak seperti band Kindred (band Ronny dan Dyn yang tidak wujud lagi). Dinslife meninggalkan band kami pada tahun 2002 dan Zool kemudian ambil alih tempatnya bermain gitar bass. Dengan hadirnya Zool kami bermula bertukar rentak, bermain lagu-lagu lebih original mengikut citarasa kami masing-masing.

3) *Kalian sudah pun meriliskan full-length dalam bentuk CD under Karatecore records(Malaysia) dan yang terbaru split EP bersama dengan "GAUGE MEANS NOTHING" under Endless Nameless records(Jepun) juga dalam bentuk CD bukan? Adakah kalian/anda amat berpuas-hati terhadap kedua-dua rilisan ini? Kalian juga mementingkan kualiti pada setiap rilisan my precious ker?*

Kyn: Full-length CD kami di-rilis oleh Jahil Recs. (S'pore) dan Karatecore (M'sia). Kami berpuas hati dengan semua rilisan kami. Kami sudah tentu mementingkan kualiti setiap rilisan kami. Kami amat menghargai TNT studios kepunyaan sound engineer, yang dikenali sebagai Ah Boy kerana dia bermainkan peranan penting terhadap kualiti recording kami.

4) *Melalui pendengaran saya mengenai muzik my precious,ternyata kalian lebih senang membawakan muzik berentakkan emopowerviolence/screamo dalam menghasilkan setiap lagu my precious.Mengapa kalian memilih genre yang berentakkan screamo dan seperti yang telah saya sebutkan tadi? Adakah ia disebabkan oleh trend? Pendapat kalian macam mana pula?*

Kyn: Sebagai sebuah kumpulan kami meminati berbagai macam genre muzik. Kami dipengaruhi oleh band-band seperti, Walls of Jericho, Fugazi, Fingerprint, Envy, At The Drive In, Melt Banana, Refused, Born Against dan berbagai-bagai lagi. Kami tidak mengakui bahawa kami berentak hardcore/punk/screamo atau apa-apa lagi yang kami pernah di -"label". Kami lebih senang bergelar berentak "no-core" kerana kami menggubah lagu mengikut citarasa kami tersendiri. Kami tidak memilih genre, genre yang memilih kami.

5) *Mesej/maksud yang ingin disampaikan oleh my precious dalam setiap lagu kalian bekisarkan tentang apa? Adakah my precious merupakan sebuah band DIY yang political dan mengancam/gerek? Mengapa kalian berkata begitu?*

Kyn: Kami tidak ada mesej tertentu yang kami mahu ketengahan dalan lagu-lagu kami. Lagu-lagu kami berdasarkan pengalaman kami hari demi hari. Kami bukanlah band political tetapi sebuah band yang amat berminat dengan menggubahkan lagu-lagu yang dapat menghiburkan diri kami dan juga teman-teman kami yang sentiasa memberi sokongan yang hebat. Life is too short

Syarikat memberi sokongan kepada Iraq di bawah pemerintahan Saddam Hussien, pada tahun 1980-an. Negara Yahudi telah menjadi punca ketidak-stabilan bagi Amerika Syarikat di Timur Tengah. Kewujudan Negara Yahudi dan penindasan rakyat Palestin yang berterusan telah memburukkan lagi keadaan dan menjadikannya lebih susah untuk memenangi hati dan sokongan daripada pemimpin Arab bagi menerima ideologi Amerika Syarikat.

Negara-negara yang mendapat sokongan oleh Amerika Syarikat untuk mempertahankan kepentingannya semakin 'memijak kepala tuan mereka' sendiri. Amerika Syarikat menyedari bahawa jika mereka berterusan memberi bantaun kepada negara yang 'semakin hari semakin menentang', ia akan membawa keburukan kepada diri mereka sendiri. Ini dapat dilihat bagi Iraq di bawah pemerintah Saddam Hussien.

Apa yang berlaku di Teluk Saudi merupakan konflik di antara imperialisme Amerika Syarikat, yang infing mempertahankan kepentingannya di Timur Tengah, dan 'imperialisme kecil' Iraq. Dengan penamatan Perang Dingin, konflik-konflik tempatan (dan juga konflik-konflik di antara imperialisme-imperialisme kecil yang berlainan) akan menjadi semakin nyata. Dalam konflik-konflik seperti ini, ia memang nyata bahawa fahaman sosialis penting untuk mengalahkan musuh utama, iaitu kuasa-kuasa imperialis besar.

Pada masa yang sama, kita tidak boleh memeluk ilusi bahawa rejim Saddam Hussein akan membawa apa-apa kemajuan bagi para pekerja dan rakyat tertindas di Iraq. Ia penting untuk menekankan isu ini. Ramai di sayap kiri yang melihat kejadian-kejadian tahun lalu (1989-1990) – kemerosotan USSR sebagai mahakuasa, peningkatan campur tangan Amerika Syarikat – sebagai tanda kekuatan imperialisme Barat yang semakin meningkat. Sebenarnya, ini tidak **benar**. Kebanyakan mahakuasa **ingin** mengalahkan Saddam Hussien dan memastikan harga minyak yang murah, tetapi hanya jika kosnya rendah. Maka, kita dapat melihat keengganan Jerman dan Jepun untuk campur tangan dalam peperangan secara menyeluruh. Begitu juga dengan desakan Amerika Syarikat untuk mencari sebanyak rakan yang dapat dicari. Amerika Syarikat tidak mempunyai keyakinan politik atau, lebih penting lagi, kekuatan ekonomi untuk berkelakuan tanpa bantuan seperti di Vietnam lebih 30 tahun yang lalu. Mana-mana jalan yang di ambil oleh Bush (Senior) diselubungi oleh kebahayaan.

Dan jauh daripada imperialisme meninggal dunia dalam dunia moden, zaman baru imperialisme yang dibuka oleh penamatan Perang Dunia mengancam menjadi se-ngeri dan se-tidak stabil zaman sebelumnya. Jadi berhibur la dengan dunia zaman gelap kita yang baru! Semoga semua mati cepat tanpa kesedaran perlawanan kita -



Interview bersama : My Precious

1) *Apa khabar kalian/anda semua disana? Seperti biasa,sila perkenalkan diri kalian/anda yang menjawab soalan interview ini...Ada sebarang kata2*

Pendayaupayaan Melalui Kolektif



Encik Asparagus Alfalfa
(agentprovo@gmail. com)

Dalam aliran sejarah, perpindahan kuasa pembuatan keputusan telah bertukar daripada tangan masyarakat setempat kepada pemerintahan berpusat. Banyak keputusan yang mempengaruhi kehidupan seharian kita kini dibuat oleh mereka yang berada berjauhan secara geografikal serta hubungan kemanusiaan dengan kita melalui pemerintahan kerajaan pusat. Keputusan melibatkan kita dibuat oleh orang yang tidak kita kenali.

Ancaman yang kini telah menjadi realiti melalui evolusi globalisasi seterusnya menambah teruk lagi keadaan. Melalui badan-badan seperti Bank Dunia (World Bank) dan melalui perjanjian yang dipelopori oleh GATT, bentuk asal WTO (World Trade Organisation) kepada perjanjian AFTA, NAFTA dan sebagainya kini telah secara paksa relanya merampas kuasa tersebut daripada negara-negara kepada badan-badan tersebut. Keputusan kini dibuat oleh oleh orang yang bukan sahaja yang tidak mengenali kita, tetapi juga kita tidak kenali.

Pemimpin negara-negara dalam dilema. Ditelan mati mak, diluah mati bapa. Jika tidak berturut kepada perjanjian, ekonomi negara akan dipinggirkan dalam perdagangan antarabangsa, dan jika perjanjian dituruti, kuasa penentuan nasib negara akan hilang dan autonomi Negara seterusnya tergugat.

Nenek moyang kita telah pun memberi kuasa pembuatan keputusan kepada pemerintahan berpusat pada tika dahulu, samada secara rela atupun terpaksa, dengan kepercayaan yang ianya akan dijalankan dengan baik. Tetapi jika pemegang amanah tersebut sudah tidak dapat menjalankan apa yang diamanahkan kepadanya dengan baik, kuasa tersebut perlu dituntut semula, samada secara rela ataupun secara paksa.

Sebagai seorang insan dalam masyarakat, antara caranya adalah untuk membuat kolektif anda sendiri, dengan rakan-rakan setempat. Empayar Rom tidak dibina dalam sehari, begitu jugalah dengan perubahan besar yang mahu kita lihat. Pembentukan kolektif merupakan satu langkah kecil yang mampu kita semua buat, melalui kekuatan dalam penyatuan inilah yang kita dapat bangkit.

Pembentukan kolektif adalah suatu mekanisma yang mendayaupayakan (empower) setiap individu. Dengan

Kesemua itu membawa balik sedikit kuasa penetapan menentukan cara bagaimana sesuatu itu dijalankan, ke tangan anda semula.
Reclaiming the power, one at a time.

pembentukan kolektif anda boleh mula berbincang dan akhirnya cuba untuk membuat sesuatu untuk merubah apa yang anda lihat tidak kena. Pelbagai jenis kolektif boleh dimulakan, anda boleh membuat Foodnotbombs untuk komuniti anda, ataupun kolektif seni yang boleh memuatkan ekspresi kesenian seperti teater jalanan, pembuatan musik kerakyatan mahupun bertindak sebagai distro untuk membantu pengaliran records dan literatur. Kesemua itu membawa balik sedikit kuasa penetapan menentukan cara bagaimana sesuatu itu dijalankan, ke tangan anda semula. Reclaiming the power, one at a time.



Satu perkara akan membawa ke perkara yang lain. Kolektif yang dibentuk tidak perlu mempunyai struktur yang rigid seperti dalam institusi sekeliling kita. Objektif pembentukan boleh berubah mengikut perubahan masa, kolektif boleh mempunyai ahli hantu yang bergerak apabila diperlukan dan hanya berfungsi mengikut kehlian longgar tanpa perlu komitmen sepenuhnya. Tiada sebabnya juga kita perlu mengikut mana-mana model asing yang tidak bersesuaian dengan kita sendiri.

Anda tentukan bagaimana anda mahukannya. Pembentukan kolektif membuka kepada satu lapangan kemungkinan yang baru dalam kehidupan kita, setiap ahli boleh berkongsi kepakaran, network serta idea masing-masing untuk projek-projek kecil (dan seterusnya, besar). Sejarah telah mengajar kita bagaimana kuasa serta kredit yang diberikan kepada individu telah membawa kepada kejatuhan kesatuan besar serta kecil, maka model tanpa hierarki difikirkan paling sesuai dan juga penerapan pembentukan keputusan melalui konsensus. Kta tidak mahu lagi mengulangi kesilapan yang lalu.

Kolektif adalah sesuatu yang menggembirakan! Tiada apa yang lebih menceriakan daripada melihat usaha kita membuahkan hasil. Masa yang dahulunya diluang dengan borak kosong serta angan-angan boleh diisi dengan bertujuan. Kolektif boleh juga merupakan saluran untuk bertemu rakan-rakan serupa yang boleh membawa kepada persahabatan, dalam suasana yang penuh dengan solidariti.

Cubalah!!! Selamat berjaya.

Pembentukan kolektif membuka kepada satu lapangan kemungkinan yang baru dalam kehidupan kita, setiap ahli boleh berkongsi kepakaran, network serta idea masing-masing untuk projek-projek kecil (dan seterusnya, besar).



kapitalis maju, dan ini paling ketara dengan contoh minyak Timur Tengah.

Aspek utama yang berterusan sejak masa Lenin adalah pergelutan untuk mempengaruhi dan menjajah mana-mana kawasan tertentu: "Salah satu aspek penting imperialisme adalah persaingan di antara beberapa kuasa besar yang bersaingan untuk hegemoni, iaitu persaingan untuk tanah jajahan, bukannya untuk diri mereka sendiri, tetapi untuk melemahkan dan mengecilkan hegemoni pesaing'.

Kekuatan tentera memainkan peranan penting dalam penguasaan imperialis, dan perbelanjaan persenjataan sendiri menstabilkan sistem kapitalis dalam dekad-dekad selepas Perang Dunia Ke-2, bukannya pengeksportan kapital yang dikatakan oleh Lenin. Dunia pada masa itu dibahagikan kepada mahakuasa ketenteraan, dengan sfera dilakukan secara langsung, seperti hubungan Amerika Syarikat dengan laman belakangnya di Amerika Latin, ataupun hubungan pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Ke-2 di antara USSR dan negara-negara satelit di Eropah Timur dan bangsa-bangsa dalam negeri yang ditindas.

Namun demikian, cara yang lebih biasa merupakan penguasaan secara tidak langsung; penguasaan ketenteraan tanpa serangan atau penjajahan; hegemoni dolar; pergelutan untuk pengaruh dalam kawasan-kawasan tertentu. Tambahan pula, negara-negara mahakuasa bergelut secara proksi di tempat-tempat lain di dunia. Sejak Perang Dunia Ke-2, dunia kita hanya menikmati 21 hari kedamaian. Kebanyakan gerakan kemerdekaan nasional menunjukan pandangan kepada USSR atau Negeri China, untuk bantuan kewangan dan sokongan.

Ini seringkali memberikan Blok Timur pengaruh di negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan. Amerika Syarikat mengukuhkan kedudukan mereka dengan membiayai gerakan mereka 'sendiri' yang menentang gerakan tulin yang bergantung kepada USSR, misalnya gerakan FNLA di Angola. Jangka masa ketenteraan tahap tinggi diiringi oleh retorik Perang Dingin dan kedamaian tidak stabil yang kadang-kala terjerumus ke dalam peperangan melibatkan mahakuasa-mahakuasa tersebut. Contoh paling serius bagi kejadian seperti ini berlaku di Korea pada tahun 1950-an, dan di Vietnam pada tahun 1906-an dana awal 1970-an.

Penyebaran kapitalisme dan kemerosotan empayar-empayar lama telah membawa kebangkitan beberapa kuasa di kawasan-kawasan tertentu, yang biasanya diberikan nama 'imperialisme-imperialisme kecil', yang dibina dan dibiayai oleh imperialisme Amerika Syarikat. Negara-negara kecil yang dibiayai oleh Amerika Syarikat ini sebenarnya membawa faedah kepada diri mereka sendiri dan negara kecil ini mempunyai kepentingan sendiri di kawasan-kawasan itu, yang kadang-kala bercanggah dengan imperialisme, dan mereka juga mempunyai kebolehan ekonomi dan ketenteraan untuk mengugut negara-negara jiran 'imperialisme kecil' ini agar bersetuju dan patuh kepada sesiapa yang tidak patuh kepada kehendak Amerika Syarikat.

Di Timur Tengah, misalnya Amerika Syarikat secara tradisi telah menyokongi tiga negara; Negara Yahudi, iaitu penerima bantuan Amerika Syarikat yang penting; Arab Saudi; dan Iran, sehingga revolusi 1979. Negara-negara ini dilengkapi dengan senjata ketenteraan dan dibiayai sebagai 'anjing pengawal' Amerika Syarikat di Timur Tengah. Tetapi negara-negara tersebut semakin tidak dapat diharapkan sebagai sumber pengaruh bagi Amerika Syarikat.

Revolusi Iran bermakna bahawa salah satu daripada rakan rapat Amerika Syarikat menjadi musuh utamanya. Oleh kerana itu, Amerika

IMPERIALISME DI DUNIA MODEN – THE SYNDICATE

~ ICHAL ~

Imperialisme merupakan sistem penguasaan ekonomi, politik dan ketenteraan oleh beberapa negara ke atas hampir kesemua negara yang lain. Ia merupakan hasil perkembangan kapitalisme yang menyeluruh dan tidak rata sejak kelahirnnya. Ungkapan ini menyebabkan rasa kekeliruan bagi mereka di sayap kiri. Khususnya, masalah timbul apabila unsur-unsur satu fasa imperalisme digunakan untuk menjelaskan fasa yang lain, dan dijumpai bahawa ia tidak sesuai.

Jika kita menggunakan analisa imperlialisme oleh Lenin sahaja, yang diperkembangkan dalam karya imperialisme: Tahap Tertinggi Kapitalisme, kita menghadapi masalah-masalah seperti itu. Dia menulis buku tersebut pada tahun 1916 untuk menjelaskan mengapa kuasa-kuasa utama dunia terjerumus ke dalam peperangan yang paling mengerikan pada masa itu. Dia menghuraikan imperialisme sebagai tahap tertinggi dan terakhir kapitalisme.

Pada abad ke-19, kapitalisme telah disebarkan ke negara-negara jajahan. Britain, khususnya telah menoreh bahagian-bahagian dunia tertentu dan merompak negara-negara itu, sambil merosakkan industri tempatan dan merampas bahan-bahan mentah. Tanah-tanah jajahan kemudiannya digunakan sebagai pasaran untuk komoditi Britain sendiri. Lenin menghuraikan fasa imperialisme berdasarkan situasi ini.

Menjelang akhir abad ke-19, monopoli-monopoli perindustrian berkembang dengan laju, dan pembankan serta kapital industri dipusatkan. Keuntungan dari sistem dan kestablian kuasa-kuasa imperialis dijaminkan, menurut Lenin oleh pengeksportan kapital ke negara-negara jajahan, bukannya oleh komoditi. Dia berpendapat bahawa pengeksportan kapital ini mengurangkan nilai lebihan, yang biasanya digunakan semual oleh sistem, maka kadar keuntungan dijatuhkan.

Imperialisme merupakan dasar, katanya bukan sahaja bagi penindasan kebangsaan di luar negeri, bahkan juga bagi reformasi di dalam negeri. Kajiannya mempunyai beberapa masalah, dan dunia selepas Perang Dunia Ke-2 jauh berbeza daripada gambaran Lenin berdasarkan sistem penguasaan ekonomi, ketenteraan, dan sosial oleh beberapa kuasa utama di merata dunia. Tetapi ia tidak bergantung kepada penguasaan penjajah secara langsung atau pengeksportan kapital. Pengeksportan kapital dari negara-negara kaya ke negara miskin memang kecil berbanding dengan pergerakkan kapital di antara negara-negara kapitalisme maju.

Penguasaan imperialisme pada hari ini adalah berbeza daripada yang berlaku satu ketika dahulu. Penguasaan ekonomi dikerjakan melalui Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, Perjanjian Umum Sekatan dan Perdagangan (GAT) – kesemua mereka ini mengikut negara-negara termiskin dalam perhubungan buruk dengan negara-negara kapital. Sejak permulaan krisis pada tahun 1970-an, perbezaan di antara negara-negara semakin besar. Sebagai contoh, hampir kesemua negara-negara Afrika menjadi lebih miskin pada tahun 1980-an. Oleh kerana ini, perhutangan dan bantuan kewangan kini menjadi peralatan penguasaan imperialis. Bekas negara yang dijajah masih memberi bahan-bahan mentah kepada negara-negara

Kenangan, terus tersemat!

Baru ni aku t'jumpa Farid, kawan lama di sekolah asrama Slim River dulu. Hmm, dgn wife dan anaknya, rasa lain benar pertemuan kali ini. Bila ditanya macam mana life ko sekarang, jawapan yg mudah diberi - 'Macam ni la Jen life org dah kawin. Macam ko ni la..'

Tersenyum aku.. Farid (Pet) dulu agak aktif di Penang dgn gerakan di sana, dan aku hanya dengar2 cerita dari kawan2 je. Ketika itu aku di Sabah, mengharungi life sebagai student. Kini, aku macam dia juga, dah 'kurang'. Kalo dulu, ada juga nk join Kaseh Kolektif Kota Kinabalu, dgn aktiviti2 mereka, dan lepak2 dgn member2 disana hujung2 minggu, tapi sekarang – tidak macam dulu. Bila difikir, aku bangga dgn individu2 yg aktif dlm scene, dari alam remaja, dan setelah dewasa masih terus aktif. Apa pun, dimana dan siapa pun kita sekarang, aku masih percaya akan 'strategi dan cara bertindak' resistansi bagi mengharungi kehidupan yg penuh dgn penipuan dan penindasan ini. Hmm..

Kalo dulu, ada juga nk join Kaseh Kolektif Kota Kinabalu dgn aktiviti2 mereka, dan lepak2 dgn member2 disana hujung2 minggu, tapi sekarang – tidak macam dulu

Kebelakangan ini 'kecoh' benar dgn pelbagai agenda kerajaan dalam membangunkan ekonomi rakyat. Sejauh mana kebenarannya, tunggu sahaja lah. (Aku rasa macam biasalah – kita ditipu! Haha) 'Kekecohan' ini sudah biasa bagi orang yg boleh berfikir dengan waras – pilihanraya!

Setelah beberapa tahun meneruskan tradisi 'mengenyangkan perut' golongan tertentu, kini mereka sekali lagi meneruskan agenda tersebut. Apa sahaja projek yg dirasakan boleh dilaksanakan, dgn 'landasan' membangunkan ekonomi rakyat, maka makin 'membuncit'la golongan2 tertentu tersebut. Pembangkang makin terus ditindas, dan ditutupkan mulut mereka dengan pelbagai fitnah. Begitu juga pertubuhan bukan kerajaan. Dan sudah pasti, perkumpulan seperti Punk, Hardcore, terus semakin lenyap (walaupun hakikatnya masih ada yg cuba meneruskan tradisi resistansi ini).

Kini, hanya tinggal mereka yg faham dan tekad dlm usaha resistensi kehidupan sahaja akan benar2 'berjuang' kerana bgi mereka ini, tidak kira diruang mana pun mereka berada, sekiranya penindasan dan penipuan itu berlaku di sekeliling mereka, akan dicubalah segala usaha penentangan yg mana mereka belajar semasa bersama perkumpulan HC/ Punk itu. Pendek kata, Resistensi Terusss !!! ☺

